

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	Dalam Negeri / Pg. 39
Date	Mon, 24th Oct 2016	Lead Article	Yes
Headline	TN50: Utamakan Bumiputera		

TN50: Utamakan bumiputera

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 23 OKT.**

TRANSFORMASI Nasional 2050 (TN50) yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, perlu dipastikan kekal memelihara serta mendaulatkan sosio-ekonomi bumiputera menerusi dasar afirmatif bersifat serius, jelas, tegas dan holistik.

Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali berkata, apa juga pengisian dalam TN50 nanti perlu mengambil kira kepentingan bumiputera dan jangan sesekali menghakis dasar afirmatif sehinggalah tercapainya pembahagian kek ekonomi secara adil.

“Perkasa akan memantau perkembangan wacana nasional ini dan akan terus menuntut supaya kedaulatan sosio-ekonomi bumiputera dijadikan teras kepada dasar-dasar TN50 selaras dengan Perkara 4 Fasal 153 keistimewaan bumiputera yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Kami menuntut pembelaan ini bagi pihak pribumi, yang kini berasa terus dipinggirkan di bawah *need-base policy* semata-mata, tanpa mengira kedudukan

majoriti kaum pribumi,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Jumaat lalu, Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2017 berkata, TN50 iaitu gagasan kesinambungan kepada dasar terdahulu bakal membentuk satu negara bangsa Malaysia yang benar-benar berwibawa serta berminda cemerlang dalam tempoh tiga dekad akan datang.

Tambah Najib, TN50 akan menggerakkan generasi muda pelbagai bangsa melalui wacana nasional sepertimana diputuskan Kabinet serta dikendalikan Kementerian Belia dan Sukan, selain dinaungi sendiri oleh beliau selaku Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Ibrahim berkata, dalam membangunkan ekonomi bumiputera ke tahap lebih cemerlang, kerajaan tidak boleh hanya berasaskan kepada *need-based policy*, sebaliknya setiap gerak kerja harus memberi penekanan kepada dasar afirmatif yang tegas dan berkesan.

“Perkasa bukan tidak menyokong *need-based policy* tetapi dalam usaha mencapai pembahagian kek ekonomi yang adil, tindakan afirmatif yang agresif wajib dilaksanakan iaitu dengan memberikan sejumlah dana yang lebih besar untuk menjayakan program afirmatif,” katanya.